

MRT Corp kutip input

MASS Rapid Transit Corp Sdn Bhd (MRT Corp) sudah mendapat pandangan orang ramai bagi projek Laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK) Aliran Transit Massa (KVMRT) yang sedang laksanakan.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Azhar Abdul Hamid berkata, sebagai maklum balas kepada memorandum yang dikatakan oleh komuniti Jalan Sultan, kepada MRT Corp, tiada langsung isu yang ditimbulkan dalam memo itu adalah baru kerana syarikat sentiasa memberi respons kepada persoalan yang serupa.

“Selagi membabitkan MRT Corp, kami sentiasa peka untuk mengambil input daripada orang ramai dalam memutuskan penjajaran akhir Laluan SBK,” katanya dalam kenyataan di Kuala Lumpur, kelmarin.